



POLISI TIADA HADIAH USAHA JABATAN PERTANIAN KE ARAH PENGUKUHAN DAN PEMBUDAYAAN PERKHIDMATAN YANG BERINTEGRITI



1. BUKU POLISI TIADA HADIAH JABATAN PERTANIAN

Sebagai sebuah Jabatan yang berurusan secara terus dengan pelanggan dan golongan sasaran, warga kerjanya terdedah kepada amalan pemberian dan penerimaan hadiah.

Selari itu, Jabatan telah mengeluarkan polisi ini sebagai panduan dan rujukan bagi menangani isu pemberian dan penerimaan hadiah dalam pelaksanaan tugas rasmi warga kerjanya.



Polisi ini menggariskan larangan, kesalahan undang-undang, ketidakpatuhan kepada larangan dan tindakan yang berkaitan dengan pemberian dan penerimaan hadiah dalam perkhidmatan awam berdasarkan akta, pekeliling dan arahan yang berkuatkuasa.

Buku ini boleh didapati di laman web :

http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti_sumber_awam/penerbitan/buku/polisi_t tiada_hadiah.pdf

2. POLISI TIADA HADIAH JABATAN PERTANIAN



Polisi ini merupakan salah satu usaha Jabatan ke arah memperkukuhkan dan membudayakan perkhidmatan berintegriti di kalangan warga kerjanya.

Jabatan Pertanian melarang pegawai dan kakitangan terlibat dalam penerimaan sebarang bentuk hadiah (hamper,

diskaun, komisen dan lain-lain) daripada orang atau pihak (*supplier, contractor, vendor, service provider* dan lain-lain) yang mempunyai hubungan kerja, urusan rasmi atau kepentingan dengan Jabatan.

Maklumat penuh mengenai polisi ini boleh didapati di laman web :

http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti_sumber_awam/maklumat_integriti/SPAR/polisi_tiad a_hadiah_DOA.pdf

3. PERATURAN 8 : HADIAH [PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993]



Pemberian dan penerimaan hadiah oleh penjawat dan kakitangan Jabatan Pertanian perlu mengikut ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Ketidakpatuhan kepada ketetapan tersebut boleh menjurus kepada kesalahan jenayah atau pelanggaran tatatertib.

4. BORANG AKUAN PENERIMAAN HADIAH (LAMPIRAN A) DAN LAPORAN PENERIMAAN HADIAH (LAMPIRAN B)

Penerimaan hadiah oleh Bahagian atau Negeri; atau pegawai dan kakitangan perlu dilaporkan kepada Unit Integriti dengan mengambil tindakan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 dengan mengisi **Akuan Penerimaan Hadiah (Lampiran A)** atau **Laporan Penerimaan Hadiah (Lampiran B)**.

Borang-borang ini boleh diperolehi di laman web:

http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti_sumber_warga/lampiranA_akuan_penerimaan_hadiah.pdf

dan

http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti_sumber_warga/lampiranB_laporan_penerimaan_hadiah.pdf